

20/08/2000

Jangan sabotaj Menteri Besar baru

SELANGOR dapat Menteri Besar baru. Orang baru dan usia pun muda. Kiau ucap tahniah kepada Dr Mohamad Khir Toyo. Sekarang hanya `Encik'. Tapi tak lama lagi dapatlah Datuk. Kiau tak halang pasal itu sudah jadi kebiasaan.

Yang penting bukan gelaran, tapi kerja keras, kerja ikhlas, kerja bersih, kerja cekap dan kerja amanah.

Kalau tidak, Kiau takut dia juga jadi statistik dan mangsa politik Selangor yang rakus. Cukuplah kontroversi dan tikam-menikam yang sudah terjadi. Kalau kerap sangat pun rakyat benci.

Kiau juga ucap tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana pilih orang baru dan orang muda. Mohamad Khir baru berusia 35 tahun dan belum satu tahun jadi Adun.

Kiau gembira pasal Umno sedia berubah. Sejak alami kemerosotan dalam pilihan raya tahun lalu, Umno sudah banyak berubah.

Kalau Umno hendak dapat sokongan generasi muda, ia kenalah bagi peluang kepada pemimpin muda yang bersih dan berwawa-san.

Kiau harap janganlah ada member yang jaki (cemburu/iri hati). Jangahlah ada yang nak sabotaj atau tulis surat layang pasal tak dipilih. Kalau ada anak buah dan konco-konco yang marah pasal bos tak naik pangkat, bos kenalah sejujukan hati mereka. Jangan bos pula yang jadi batu api.

Dalam hal ini tugas Pengerusi Perhubungan yang baru, Tan Sri Muhammad Muhd Taib cukup penting. Dia kenalah jadi orang tua. Kena pastikan parti dan kerajaan bersatu hati.

Dia kena pastikan Menteri Besar yang baru tak digugat atau disabotaj. Kalau perkara buruk berlaku, kerjaya dia sendiri akan tergugat.

Maaflah kalau Kiau kata Naib Presiden Umno itu kena anggap pelantikan dia sebagai sebahagian daripada proses `rehabilitation' politik.

Dia kena pulihkan keyakinan ahli parti dan rakyat kepadanya. Bukan kepercayaan perwakilan ke Perhimpunan Agung parti saja. Kiau yakin Muhammad boleh main peranan orang tua.

Nasihat Kiau kepada Mohamad Khir, kalau ada apa-apa masalah atau hal yang boleh jadi bahan surat layang, eloklah dia bagi tahu Perdana Menteri cepat-cepat. Jangan tunggu sampai keluar surat layang.

Macam mana pun, Kiau percaya latar belakang, perwatakan dan keperibadian dia sudah disiasat dalam-dalam sebelum keputusan dibuat untuk lantik dia.

Daripada seorang doktor gigi kepada Adun dan sekarang Menteri Besar, kemaraan Mohamad Khir cukup cepat, cukup hebat.

Dengan serta-merta dia jadi orang paling berkuasa di Selangor. Dengan sekelip mata dia jadi orang terkenal. Kiau harap dia tak mabuk kuasa dan tak hilang punca.

Orang Melayu dalam keadaan kacau. Hak istimewa mereka dipertikai lagi. Ini terjadi pasal kuasa politik Melayu lemah dan orang Melayu lupa untung nasib.

Apa yang Datuk David Chua kata masuk akal. Kalau orang Melayu tidak maju dan tidak mampu bersaing walaupun dibagi hak istimewa, kenapa kita tak hapuskannya? Boleh jadi apabila tidak ada hak istimewa, orang Melayu akan maju kerana terpaksa bersaing.

Ini orang Melayu kena fikir. Jangan asyik nak tuntutan ilmu kebal dan cakap pasal Islam tapi bangsa sendiri tercicir dan terancam. Kalau tak kerana orang Melayu ada hak istimewa, Islam pun tak terjamin.

Jadi janganlah kita kata kebangsaan berlawanan dengan Islam. Kebangsaan kita bagi tempat yang cukup istimewa kepada Islam. Orang Melayu hilang

taraf Melayu kalau tinggalkan Islam.

Kiau berani kata kalau tidak kerana hak istimewa, banyak yang tak berasa masuk universiti. Islam tidak akan kuat dan dihormati. Nak dapat subsidi baja pun susah.

Kiau tahulah sebab Kiau anak penanam padi dan besar dalam zaman sebelum Dasar Ekonomi Baru. Waktu itu, Melayu, Cina dan India bersaing dapatkan tempat di universiti. Universiti pun tak banyak. Hanya anak orang kenamaan dan anak pegawai kerajaan dapat biasiswa.

Nak buat masjid atau pergi Makkah pun kena minta sedekah, minta zakat dan minta fitrah. Sepuluh tahun masjid belum siap pasal tak cukup duit. Apabila dinding siap, bumbung dah nak runtuh.

Janganlah kerana sekarang sudah masuk universiti, sudah senang kita kata hak istimewa dan perpaduan Melayu tak penting lagi. Jangan cakap besar. Kalau orang Melayu angkuh, cetek fikiran dan rasuah, demokrasi akan musnahkan kita.

Kita akan hilang kuasa. Apabila kuasa kita kurang atau suara kita tidak cukup, kita tidak boleh pertahan Perlembagaan. Perlembagaan boleh dipinda.

Hak istimewa orang Melayu dan kedudukan Islam yang sekarang termaktub dalam Perlembagaan boleh terkubur. Berfikirlah.

(END)